

16 JAN 1997

Telekom-Siasat

TELEKOM M'SIA ADAKAN SIASATAN PENUH KE ATAS DAKWAAN PENYELEWENGAN

KUALA LUMPUR, Jan 16 (Bernama) -- Telekom Malaysia akan menjalankan siasatan penuh ke atas dakwaan terdapat penyelewengan dalam pemberian kontrak kepada syarikat Sweden, Ericsson untuk membekal peralatan, kata ketua eksekutifnya, Datuk Mohamed Said Mohamed Ali hari ini.

"Ini adalah satu dakwaan yang serius dan Telekom Malaysia akan membuat apa saya dalam bidang kuasanya mencari kebenaran," kata beliau yang sedang mengiringi Perdana Menteri Datu Seri Dr Mahathir Mohamad dalam rangka lawatan ke Amerika Syarikat untuk mempromotkan Koridor Raya Multimedia.

Kenyataan beliau dikeluarkan oleh Telekom Malaysia di sini.

Mohamed Said juga mengesahkan bahawa beliau telahpuna dimaklumi megenai perkara itu oleh Timbalan Perdana Menteri Datu Seri Anwar Ibrahim sebelum berlepas untuk lawatan itu.

"Sejurus selepas diberitahu oleh Timbalan Perdana Menteri, Telekom Malaysia telah mengambil tindakan untuk mengadakan siasatan menyeluruh ke atas dakwaan itu," kata beliau.

Semalam Anwar berkata kerajaan telah mengarahkan siasatan dibuat ke atas dakwaan itu selepas menerima maklumat dua minggu lepas.

Mohamed Said berkata syarikatnya belum lagi dapat memberi jarak masa tertentu bagi laporan itu oleh kerana tidak mempunyai cukup fakta mengenai perkara itu setakat ini.

Beliau berkata adalah menjadi keutamaan kepada Telekom Malaysia untuk menyelesaikan masalah itu secepat mungkin.

"Kami di Telekom Malaysia sentiasa mengikut peraturan yang disediakan bagi menerima, mempertimbang dan memberi tender," katanya. -- BERNAMA

MAM WAT